

# Dr. Mahathir Adi

UM 25/5/94 Profile

Oleh RUHANIE AHMAD

**P**ERDANA Menteri Malaysia adalah seorang Adi jagat yang tegas dan beriktikad. Demi kemanusiaan, beliau sanggup merentas benua.

Baru-baru ini, beliau telah melakukan satu siri lawatan yang simbolik. Dari Kuala Lumpur, ke Zimbabwe dan Afrika Selatan. Kemudian ke Perancis. Seterusnya ke Amerika Syarikat. Akhir sekali, ke Republik Rakyat China.

Secara umumnya, misi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilandasi persoalan global — keadilan di Bosnia-Herzegovina, kedolak-dalihan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), hak asasi manusia, kesejahteraan Dunia Ketiga dan kesaksamaan perdagangan antarabangsa.

Pada 29 April 1994, Dr. Mahathir berada di Bulawayo, Zimbabwe. Beliau merupakan negarawan pertama dari luar Afrika yang diberi penghormatan merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Zimbabwe (ZITF).

Pameran tahunan sejak 1960 itu disertai oleh lebih 1,000 syarikat dari 34 negara, termasuk 14 dari Malaysia.

Turut hadir di perasmian ZITF adalah Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, yang menyambut ketibaan Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Harare dengan dakapan mesra antara sahabat.

Zimbabwe amat kagum dengan pembangunan dan pemodenan Malaysia sehingga Malaysia dijadikan model pembangunan sosio-ekonominya.

Pada 30 April 1994, Perdana Menteri mengunjungi sahabat lamanya, Nelson Mandela di Johannesburg, Afrika Selatan.

Ketika itu, Mandela dan partinya, ANC sedang dicengkan debar. Beliau sedang menunggu keputusan pilihanfaya bersejarah untuk menegakkan pemerintahan demokrasi.

Mandela menyifatkan lawatan itu amat signifikan kepada dirinya dan ANC. Kata beliau, Dr. Mahathir telah memberi sokongan positif terhadap perjuangan ANC menumbangkan apartheid.

Malaysia juga telah menghulurkan bantuan yang lebih daripada apa yang diharapkan oleh ANC.

Mandela berterima kasih kepada Dr. Mahathir dan seluruh rakyat Malaysia. Selepas makan tengah hari bersama Mandela, Perdana Menteri sempat menemui F.W. de Klerk.

Kini, Mandela adalah Presiden Afrika Selatan yang baru. Pastinya beliau bertindak sebagai seorang

sahabat yang setia kepada Dr. Mahathir kerana keruntuhan apartheid di negaranya adalah sebahagian daripada perjuangan Malaysia di arena antarabangsa.

Perjuangan tersebut meletakkan Dr. Mahathir sebagai tokoh dunia yang amat dikagumi oleh rakyat Afrika Selatan, khususnya beratus ribu umat Melayu Cape Town yang telah lama menganggap Malaysia sebagai negara angkat.

Selepas melaksanakan misinya di benua Afrika, Dr. Mahathir terbang pula ke benua Eropah. Pada 5 Mei 1994, beliau menemui Perdana Menteri Perancis, Edouard Balladur.

Walaupun ini cuma satu lawatan tidak rasmi (lawatan rasminya pada Julai 1994 ini), pertemuan itu

# Jagat yang tegas

tetap penting. Apatah lagi bila Perancis dipercayai memberikan latar belakang yang berpengaruh kepada keganasan Serb di Bosnia-Herzegovina.

Sewaktu di Paris, Perdana Menteri juga mencetuskan berita gembira kepada rakyat jelata.

Katanya, demi mendapatkan sumbar-sumber teknologi baru, Malaysia sedang mengkaji kemungkinan mengeluarkan kereta Citroen menelusuri projek kereta nasional yang ketiga.

Selanjutnya, beliau mengumumkan adanya minat pengeluaran kereta Amerika Syarikat untuk beroperasi di negara ini.

Dalam konteks antarabangsa, kehadiran Perdana Menteri di Perancis pasti menyebabkan Perdana Menteri Britain, John Major, berada dalam keadaan serba salah yang berpanjangan.

Major yang sedang dicengkam politik yang serba bercegaru, mesti tertanya-tanya, mengapakah Dr. Mahathir enggan singgah di London?

Major mesti terus tertanya-tanya, inikah bahana angkara fitnah Andrew Neil dan *Sunday Times* London baru-baru ini?

Dr. Mahathir membiarkan Major terus dibelenggu tanda tanya. Beliau terus terbang ke Amerika.

Pada 7 Mei 1994, beliau berkunjung ke Rumah Putih di Washington. Presiden Clinton memang telah lama tertanti-nantikan kunjungan tersebut.

## Kekal dan abadi

Presiden Amerika ini mahu bertemu untuk menjalin hubungan baik dengan harapan kekal dan abadi.

Maka bertemulah Clinton dengan Dr. Mahathir selama 80 minit, termasuk 10 minit pertemuan empat mata.

Dan, Clinton pun mengungkapkan kata-kata bahawa beliau mengagumi kepemimpinan Dr. Mahathir serta pencapaian mutakhir Malaysia.

Beberapa perkara khususnya tentang Bosnia-Herzegovina telah diperbincangkan.

Di samping meminta pandangan Dr. Mahathir mengenai Bosnia-Herzegovina, Clinton juga sudi berkongsi pendapat dengan Malaysia bahawa sekatan senjata ke atas rakyat Bosnia perlu ditarik balik.

Beliau berterus-terang bahawa pendirian tersebut selama ini ditentang oleh NATO dan Russia.

\* Apakah Clinton ikhlas ketika menyuarakan keprihatinannya terhadap Bosnia-Herzegovina? Apakah keprihatinan tersebut akan merangsang tindakan tegas dan segera Amerika dalam usaha-usaha damai di Wilayah Balkan?

Jika Clinton jujur dengan hasratnya menjalin persahabatan abadi dengan Malaysia, beliau pasti tidak akan bertindak songsang kerana kesongsangan itu akan hanya menelanjangkan kepura-puraannya!

Setelah berkunjung ke Rumah Putih dan setelah mengiringi isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, menerima anugerah kehormat daripada Universiti Indiana, di Bloomington, Perdana Menteri pun meredas Lautan Pasifik menuju ke Republik Rakyat China (RRC).

Di RRC, beliau diberi penghormatan untuk berucap di Sidang Puncak China 1994. Ucapan beliau telah tersebar luas.

Namun intipatinya mewujudkan keseimbangan dan kesaksamaan dunia, antara Barat dan Timur.

Perdana Menteri yakin bahawa sebuah RRC yang makmur akan menjadi pemangkin pertumbuhan di Asia termasuk Asia Tenggara.

Keyakinan itu bukannya sebagai pemanis kata sahaja. Ia dibuktikan dengan komitmen Malaysia wujud usahasama dengan China dan Jepun dalam satu pelaburan di RRC.

Begitulah aktifnya Perdana Menteri Malaysia. Dalam tempoh 17 hari beliau telah berada di lima negara untuk mengangkat martabat kemanusiaan, keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan kesaksamaan sajakat.

Beliau telah melawat ke negara-negara yang berbeza ideologi politik — negara membangun dan negara maju. Beliau telah menemui pemimpin yang sedang menempah nama dan juga pemimpin terkemuka.

Beliau telah diberi penghormatan dan sanjungan. Segala-galanya berlaku kerana sokongan ikhlas rakyat Malaysia kepada kepeimpinannya.

Misi kemanusiaan global ini seharusnya mewajarkan seluruh rakyat Malaysia berbangga dan lantas terdorong mengiktirafkan Dr. Mahathir sebagai seorang Adi Jagat (Tokoh Dunia) yang sentiasa berusaha keras untuk mengharumkan nama bangsa dan negara Malaysia.

Perjuangan ini terbukti amat murni!

■ **Ruhanie Ahmad ialah Ahli Parlimen UMNO kawasan Parit Sulong.**